

**Perhimpunan Agung UMNO bermula 27 November – Najib**  
**Utusan Online**  
**20 September, 2012**

KUALA LUMPUR 20 Sept. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak terus bertekad berhubung tarikh Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) sebaliknya beliau pada peringkat ini lebih gemar membiarkan rakyat membuat sebarang spekulasi.

Terbaru, beliau hari ini mengumumkan tarikh Perhimpunan Agung UMNO 2012 yang akan diadakan pada 27 November sehingga 1 Disember ini.

Beliau yang juga Presiden UMNO mengumumkan demikian selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi parti di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: [http://www.utusan.com.my/utusan/Politik/20120920/po\\_08/Perhimpunan-Agung-UMNO-bermula-27-November---Najib](http://www.utusan.com.my/utusan/Politik/20120920/po_08/Perhimpunan-Agung-UMNO-bermula-27-November---Najib)